



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat

Nota (19)

OLEH: MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

Dalil Ketiga ialah firman Allah berikut:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki), dan di sisiNya terdapat Ummul Kitab (Lauh mahfuzh). (ar-Ra'd:39).

Sekali pandang tidak akan kelihatan di mana letaknya dalil tentang adanya hukum nasakh di dalam ayat ini. Tetapi golongan kedua tetap menjadikannya sebagai dalil. Kata mereka, itu dalil umum. Walaupun perkataan nasakh tidak tersebut di dalamnya, namun perkataan menghapuskan bukannya ada di situ? Nah itulah dalilnya! Menghapuskan ertinya bagi mereka ialah memansuhkan dan menetapkan pula bererti tidak memansuhkan. Sama ada ayat yang dimansuhkan atau tidak, semuanya ada di dalam Ummul-Kitab iaitu Lauh Mahfuz. Bukan ayat al-Qur'an sahaja yang dihapuskan dan ditetapkan oleh Allah, banyak lagi yang lain, tetapi menghapuskan dengan erti memansuhkan dan menetapkan dengan erti tidak memansuhkan ayat al-Qur'an adalah salah satu daripadanya. Kata mereka, oleh kerana di sini ada qarinah (petunjuk) yang menunjukkan bahawa yang dihapuskan dan ditetapkan oleh Allah ialah ayat al-Qur'an, maka itulah salah satu mafhumnya yang tidak harus diabaikan sama sekali. Qarinah yang dimaksudkan ialah ayat ke-38 sebelumnya. Ayat itulah yang menunjukkan perkataan menghapuskan seharusnya dipakai dengan erti memansuhkan dan menetapkan dipakai dengan erti tidak memansuhkan. Cuba lihat ayat ke-38 di bawah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِيَ إِلَّا بِذَنِّ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya Kami telah mengutus beberapa orang Rasul sebelummu dan Kami memberikan kepada mereka isteri-isteri dan keturunan. Dan tidak ada hak bagi seseorang Rasul mendatangkan sesuatu ayat (mu'jizat) melainkan dengan izin Allah. Bagi tiap-tiap masa ada perkara dan hukum yang ditentukan. (ar-Ra'd:38).

Bantahan Terhadap Dalil Ketiga.

Golongan kedua sekali lagi memakai perkataan آية di dalam firman Allah ini dengan erti ayat al-Qur'an. Firman Allah:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

dengan terjemahan yang telah diberikan di atas, iaitu: "Dan tidak ada hak bagi seorang Rasul mendatangkan sesuatu ayat (mu'jizat) melainkan dengan izin Allah", nampaknya tidak sesuai dengan selera golongan kedua. Ia mengikut selera mereka seharusnya diterjemahkan begini, "Dan tidak ada hak bagi seseorang Rasul mendatangkan sesuatu ayat (al-Qur'an setelah ayat-ayat tertentu dimansuhkan), melainkan dengan izin Allah."

Cuba lihat berapa banyak tambahan perlu dimasukkan ke dalam kurungan () untuk memenuhi selera mereka? Padahal di mana terdapat isyarat dan petunjuk kepada ayat-ayat yang memansuhkan ayat-ayat tertentu yang dibawa oleh seseorang rasul?? Di mana pula terdapat isyarat dan petunjuk kepada ayat-ayat tertentu yang dimansuhkan???

Sebanyak-banyak terjemahan dan tafsir dalam bahasa Melayu / Indonesia saja pun, baik Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Tafsir Departmen Agama Indonesia, Tafsir Prof. Mahmud Yunus, Tafsir Al-Furqaan A. Hasan, Tafsir al-Azhar Prof. HAMKA, atau tafsir-tafsir lain, semuanya mentafsirkan perkataan آية di dalam ayat ke-38 Surah ar-Ra'd itu dengan mu'jizat atau hukum (syari'at) dan tanda-tanda kebesaran Allah. Tidak ada satu pun daripadanya mentafsirkannya dengan ayat al-Qur'an yang memansuhkan mana-mana ayat lain di dalam al-Qur'an itu datangnya dengan izin Allah!

Lihat saja sebagai contohnya bagaimana Prof. Mahmud Yunus mentafsirkan ayat ke-38-39 Surah ar-Ra'd itu di dalam Tafsirnya, 'Tafsir al-Qur'an al-Karim':

"Allah telah mengutus beberapa rasul sebelum Nabi Muhammad. Rasul itu tidak boleh mendatangkan ayat (tanda atau mukjizat), melainkan dengan izin Allah. Pada setiap masa rasul itu ada kitabnya yang tertentu yang berisi hukum-hukum yang sesuai dengan keadaan pada masa itu. Sesetengah hukum-hukum itu ada yang dihapuskan Allah menurut kehendakNya kerana tidak sesuai lagi dengan masa yang kemudiannya dan sesetengahnya dikekalkan hukum-hukum itu sehingga masih

dilaksanakan oleh umat yang kemudiannya. Hukum-hukum yang berubah-ubah itu ialah hukum-hukum syari'at, seperti cara beribadat, muamalat dan sebagainya. Sedangkan iktikad atau keimanan kepada Allah, RasulNya, hari yang kemudian dan sebagainya, tidak berubah sejak zaman rasul-rasul terdahulu sampai kepada Nabi Muhammad, bahkan sehingga hari kiamat. Dan inilah yang disebut ibu kitab yang berisi hukum tetap yang tidak berubah selama-lamanya.

Maka syari'at Nabi 'Isa menasikhkan (mengubah) syari'at Nabi Musa dan syari'at Nabi Muhammad menasikhkan syari'at Nabi 'Isa. Tetapi tentang keimanan kepada Allah yang Maha Esa tiadalah berubah pada setiap zaman rasul-rasul itu. Sebab itulah dalam al-Qur'an selalu ditegaskan, bahawa setiap rasul mengajak kaumnya kepada tauhid (mengesakan Tuhan)."

Tafsiran yang dipakai oleh golongan kedua jelas sekali tidak menepati konteks ayat. Ayat ke-38 berbicara tentang rasul-rasul yang diutus Allah dari Adam hingga Muhammad, semuanya adalah manusia yang tetap mempunyai sifat-sifat kemanusiaan. Mereka seperti manusia-manusia lain mempunyai isteri dan anak cucu. Para rasul juga mempunyai kelemahan sebagai manusia. Mereka tidak dapat bertindak sewenang-wenang dan sesuka hati dalam menyampaikan hukum dan syari'at. Mereka itu hanya menyampaikan apa yang dikehendaki Allah supaya disampaikan saja. Segala mu'jizat yang nyata pada para rasul tidak lebih dari kurniaan Allah semata-mata. Mereka tidak berhak dan tidak berkuasa untuk mengadakan mu'jizat sendiri. Mu'jizat yang dikurniai pula tidak boleh diguna mereka secara sewenang-wenang.

Nabi Musa sebagai contohnya, tidak akan dapat berbuat apa-apa dengan tongkatnya atas kehendaknya sendiri. Setiap mu'jizat tongkatnya keluar, terlebih dahulu mesti ada perintah Allah: "Lemparkan tongkatmu hai Musa!" Kalau tidak ada perintah, dia tidak berani. Walaupun tongkatnya telah berpuluh kali memperlihatkan ke'ajaiban. Nabi kita Muhammad s.a.w. Israa' ke Baitul Maqdis dan Mi'raaj ke langit, hanya sekali dalam hidupnya. Baginda tidak dapat melakukannya sesuka hati buat kali kedua, kalau tidak ada izin dan panggilan dari Tuhan. لكل أجل كتاب (Bagi tiap-tiap masa ada perkara yang ditentukan). Demikianlah ayat ke-38 ditutup.

Jika perkataan آية di dalam ayat ke-38 dipakai dengan erti ayat al-Qur'an yang memansuhkan ayat-ayat lain, maka ia akan menimbulkan banyak kekeliruan. Antaranya:

(i) Ia akan memberi erti, tidak ada seorang pun rasul melainkan telah membawa ayat al-Qur'an yang memansuhkan ayat yang lain dengan izin Allah. Soalnya, apakah setiap orang rasul datang dengan membawa ayat al-Qur'an yang menasakhkan ayat lain? Apakah ayat nasikh dan ayat mansukh daripada al-Qur'an yang telah dibawa oleh rasul-rasul sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w.?

(ii) Allah menerangkan bahawa beberapa orang rasul sebelum Muhammad juga diutus Allah dengan memberikan kepada mereka isteri-isteri dan keturunan, sebenarnya keterangan itu adalah untuk menyatakan bahawa para rasul sebagai manusia juga mempunyai keperluan dan kelemahan seperti manusia-manusia lain. Oleh itu adanya keperluan dan kelemahan pada mereka sebagai manusia sepatutnya tidak menimbulkan kehairanan. Adalah tidak wajar menolak seruan para rasul semata-mata kerana mereka juga mempunyai isteri dan anak cucu seperti kita? Lalu apakah kaitan rasul-rasul yang mempunyai sifat-sifat demikian dengan membawa ayat al-Qur'an yang memansuhkan ayat lain atau dimansuhkan dengan ayat al-Qur'an yang lain? Sedangkan apa yang dibawa oleh para rasul itu bukan al-Qur'an pun. Nabi Musa membawa Taurat. Nabi 'Isa membawa Injil. Begitu juga dengan nabi-nabi yang lain. Semua mereka membawa kitab atau suhuf masing-masing. Tiada siapa pun daripada mereka membawa al-Qur'an? Yang membawa al-Qur'an hanyalah Nabi Muhammad s.a.w. Jadi mengaitkan ayat ke-38-39 Surah ar-Ra'd ini dengan bab nasakh ayat al-Qur'an adalah sesuatu yang di luar konteks.

Kesimpulannya ialah ayat ke-38-39 Surah ar-Ra'd lebih sesuai dikaitkan dengan syari'at atau pun mu'jizat yang diberi Allah kepada rasul-rasulNya. Ada syari'at rasul terdahulu yang dihapuskan dan ada juga yang ditetapkan sehingga dapat terus dipakai oleh umat yang datang kemudian. Ada mu'jizat yang dihapuskan dan ada pula mu'jizat yang dikekalkan oleh Allah untuk rasul-rasul yang datang kemudian. Semuanya berlaku dengan izin Allah. Tiada satu pun daripada yang dihapuskan atau ditetapkan dan dikekalkan berlaku mengikut kehendak rasul-rasul itu sendiri tanpa kebenaran daripada Allah.

Ayat ke-39 Surah ar-Ra'd itu oleh sesetengah 'ulama' ilmu 'aqidah dipakai dengan erti "qadha' mu'allaq" dan "qadha' mubram". Qadha' mu'allaq bererti ketetapan Allah yang masih lagi tergantung. Ia tergantung pada amalan atau tindakan tertentu makhluk. Qadha' mubram pula ialah ketetapan Allah yang memang telah putus. Ia tidak tergantung dengan apa-apa amalan pun. Firman Allah: **يَمُحُو اللَّهُ مَا يَشَاءُ** mencerminkan "qadha' mu'allaq", sementara **وَيُثَبِّتُ** pula mencerminkan "qadha' mubram". Kedua-dua qadha' atau qadar (taqdir) itu bagaimanapun sedia ada dalam ilmu Allah s.w.t. Atau sudah pun tercatat di dalam al-Lauh al-Mahfuzh. Itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah di hujung ayat berkenaan. **وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ** (dan padaNya jua ada ilmu tentang semua itu).

Dalil Keempat ialah terdapat sekian banyak hadits yang menunjukkan ada ayat-ayat hukum tertentu dimansuhkan oleh ayat-ayat lain. Perkataan nāsakh dengan jelas digunakan di dalam hadits-hadits berkenaan. Ini membuktikan sememangnya ada hukum di dalam al-Qur'an dimansuhkan dan digantikan dengan hukum lain menerusi ayat yang memansukhkannya. Sebagai contohnya ialah hadits berikut:

عَنْ عِكْرَمَةَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ (إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ) فَكَانَتْ الْوَصِيَّةُ كَذَلِكَ حَتَّى نَسَخْتُهَا آيَةُ الْمِيرَاثِ

Maksudnya: "Ibnu 'Abbaas mentafsirkan firman Allah yang bermaksud: "Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan karib kerabatnya secara ma'ruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa." (al-Baqarah:180). Demikianlah hukum wasiat dahulu (untuk beberapa ketika), sehingga ia dimansuhkan oleh ayat pusaka." (Hadits riwayat Abu Daud, al-Baihaqi, ad-Daarimi dan lain-lain).

Ketika menghuraikan hadits ini Maulana Khalil Ahmad as-Saharanpuri di dalam Badzlu Majhudnya menulis (bermaksud): "Para 'ulama' berbeda pendapat tentang wasiat yang tersebut di dalam ayat 180 Surah ab-Baqarah ini. Adakah ia wajib atau tidak? Ada yang mengatakan ia tidak wajib. Ia hanya suatu yang sunat dan merupakan perintah irsyadi (perintah yang diberikan sebagai bimbingan untuk mendapat kebaikan duniawi, bukan sebagai wajib). Ada pula yang berpendapat, ia dahulunya difardhukan (diwajibkan), kemudian dimansuhkan. Orang-orang yang mengatakan ia

wajib berbeda pendapat pula tentang sama ada ia dimansuhkan atau tidak. Ada yang mengatakan ia telah dimansuhkan, dan ada pula yang mengatakan ia tidak dimansuhkan. Abu Muslim al-Isfahani adalah antara tokoh yang berpendapat ia tidak dimansuhkan.

Orang-orang yang menerima ia dimansuhkan berbeda pendapat pula tentang naasikhnya. Ada yang mengatakan ia dimansuhkan dengan ayat pusaka. Ada pula yang mengatakan ia dimansuhkan dengan sabda Rasulullah s.a.w. berikut:

إِنَّ اللَّهَ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah memberi kepada tiap-tiap yang berhak akan haknya, maka tiada lagi wasiat untuk waris. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah, Tirmidzi, Nasaa'i, dan ad-Daraquthni).

Mereka berbeda pendapat lagi. Ada yang mengatakan ia dimansuhkan untuk pewaris-pewaris dan juga bukan pewaris. Ada pula yang mengatakan ia dimansuhkan untuk pewaris sahaja. Yang terakhir ini adalah mazhab Ibnu 'Abbaas, al-Hasan al-Bashri, Masruq dan lain-lain. Bagi mereka ayat 180 Surah ab-Baqarah kekal (muhkam) menunjukkan kewajiban berwasiat untuk kerabat dan sanak saudara yang bukan pewaris. (Lihat Badzlul Majhus j.10 m/s 19).

Apa yang disebut oleh Maulana Khalil Ahmad as-Saharanpuri ini sebenarnya telah dikemukakan oleh al-Imam Fakhruddin ar-Razi di dalam Tafsirnya, at-Tafsir al-Kabir atau Tafsir mafatih al-Ghaib. Lihat Tafsir berkanaan j.2 m/s 234.

Dilihat dari sudut pandang para 'ulama' mutaqaddimin seperti Ibnu 'Abbaas, al-Hasan al-Bashri, Masruq dan lain-lain ayat 180 Surah ab-Baqarah itu tidak menepati ta'rif nasakh yang dipakai oleh golongan 'ulama' muta'akhirin. Bagi mereka ia tidak lebih daripada تخصيص العام semata-mata. Kita telah membincangkan sebelum ini bahawa istilah nasakh juga dipakai oleh golongan mutaqaddimin dengan erti mentakhsiskan hukum yang umum.

Ringkasnya apa yang tersebut di dalam hadits-hadits sebagai nasakh ayat al-Qur'an sebenarnya adalah menurut istilah mutaqaddimin. Tidak ada satu pun ayat al-Qur'an yang disebutkan sebagai mansukh disepakati sepanjang sejarah umat Islam sebagai mansukh dengan erti yang dipakai di sisi 'ulama' muta'akhirin. Golongan ketiga juga menerima nasakh dengan erti yang dipakai oleh golongan mutaqaddimin itu.

Soal nasakh hadits dengan hadits, maka itu adalah suatu yang disepakati oleh semua orang tentang ada dan berlakunya.

Satu perkara yang perlu sekali diketahui tentang nasakh yang tersebut di dalam hadits-hadits, kebanyakannya adalah hadits ahaad. Ia sama sekali tidak harus dijadikan penentu terhadap sesuatu yang disepakati mutawatir seperti al-Qur'an. Bahkan termasuk salah satu usul dirayat hadits bahawa mana-mana hadits yang menggugat kemutawatiran al-Qur'an adalah maudhu' atau sekurang-kurangnya ia dha'if. Dalam masalah nasakh, hadits-hadits ahaad seperti itu tidak boleh sama sekali dijadikan sebagai penentu bagi mansukhnya mana-mana ayat yang mutawatir. Jika perkara seperti ini terdapat di dalam hadits-hadits yang sahih sanadnya, ia perlulah dita'wilkan dengan ta'wilan-ta'wilan yang sesuai dan tidak menggugat al-Qur'an yang mutawatir.

Beberapa Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Dida'wa Dimansukhkan Dengan Hadits-Hadits Ahaad.

Golongan mut'akkhirin yang menerima konsep nasakh ayat-ayat al-Qur'an menurut istilah mereka membahagikan ayat-ayat yang mansukh kepada beberapa bentuk berikut:

- (i) Mansukh hukumnya sahaja, tidak tilawahnya.
- (ii) Mansukh tilawahnya sahaja, tidak hukumnya.
- (iii) Mansukh tilawah dan hukumnya, kedua-dua sekali.

Walaupun ayat-ayat yang mansukh terbahagi kepada tiga bentuk ini, tetapi yang paling banyak antaranya berlaku dan terdapat di dalam al-Qur'an ialah yang pertama sahaja, iaitu ayat-ayat yang mansukh hukumnya sahaja, tidak tilawahnya. Bahagian inilah yang diterima oleh al-Imam Ibnu al-'Arabi dan Jalaluddin as-Suyuthi sebagai ayat-ayat yang menepati istilah nasakh menurut 'ulama' usul muta'akkhirin, meskipun mereka telah mengurangkan jumlahnya daripada lebih dua ratus ayat yang dikatakan mansukh kepada dua puluh sahaja. Daripada dua puluh itu, setelah diselidiki dan ditapis oleh al-Imam Shah Waliyyullah ad-Dehliwi, beliau hanya menerima lima sahaja sebagai mansukh yang menepati istilah mereka.

Yang kedua dan ketiga pada hakikatnya hanya ada pada sebutan sahaja. Kerana contoh yang dapat dikemukakan oleh mereka hanyalah satu atau dua sahaja untuknya.

Contoh yang dapat dikemukakan untuk bahagian (ii) iaitu ayat yang mansukh tilawahnya sahaja, tidak hukumnya hanya ada dua sahaja. Itulah yang disebut-sebut sebagai contoh oleh mana-mana pengarang pun yang menerima pembahagian tersebut. Mereka tidak mampu mengemukakan contoh lain selain itu. Sekarang mari kita lihat apakah ayat yang mansukh tilawahnya sahaja, tidak hukumnya itu:

Pertama:

حَدَّثَنِي أَبُو الطَّاهِرِ وَحَرَمَلَةُ بْنُ يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ يَقُولُ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَهُوَ جَالِسٌ عَلَى مِنْبَرِ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ مُحَمَّدًا -صلى الله عليه وسلم- بِالْحَقِّ وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ فَكَانَ مِمَّا أَنْزَلَ عَلَيْهِ آيَةُ الرَّجْمِ قَرَأْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا فَرَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ فَأَخْشَى أَنْ يَطَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ مَا نَجِدُ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَيُضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةٍ أَنْزَلَهَا اللَّهُ وَإِنَّ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ حَقٌّ عَلَى مَنْ زَنَى إِذَا أَحْصَنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ أَوْ كَانَ الْحَبْلُ أَوْ الْإِعْتِرَافُ.

Bermaksud: Ibnu `Abbaas meriwayatkan, “Kata `Umar ketika beliau berada di atas mimbar Rasulullah s.a.w.: “Sesungguhnya Allah telah mengutuskan Muhammad dengan sebenar. Allah menurunkan kepadanya al-Kitab. Termasuklah dalam apa yang diturunkan kepadanya **ayat rejam**. Kami pernah membacanya, menghafalnya dan memahaminya. Selepas itu Rasulullah s.a.w. melaksanakan hukuman rejam dan kami juga melaksanakan hukuman itu selepasnya (selepas kewafatannya). Aku takut lama kelamaan orang berkata, “Kita tidak mendapati hukuman rejam di dalam kitab Allah.” Lalu sesatlah mereka dengan sebab tidak melaksanakan satu kewajipan yang diturunkan oleh Allah. Sesungguhnya hukuman rejam di dalam kitab Allah itu benar terhadap penzina muhsan, baik dari kalangan lelaki mahupun perempuan apabila terbukti (dengan penyaksian empat orang saksi) atau ada kehamilan atau ada pengakuan. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Tirmidzi, Daarimi dan lain-lain).

Demikianlah tersebut perkataan “ayat rejam” di dalam hadits ini tanpa teksnya. Teks ayat rejam hanya tersebut di dalam riwayat al-Isma’ili, an-Nasaa’i, al-Haakim dan lain-lain. Begini adanya:

الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنَيَا فَارْجُمُوهُمَا الْبَيِّنَةُ

Bermaksud: Orang tua lelaki dan perempuan, kalau berzina, maka rejamilah mereka secara pasti.

Ia dikemukakan juga oleh Malik di dalam Muwattha’nya daripada Sa’id bin Musaiyyab secara mursal. Teksnya adalah seperti berikut:

.... ثُمَّ قَالَ : إِيَّاكُمْ أَنْ تَهْلِكُوا عَنْ آيَةِ الرَّجْمِ ، أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ لَا نَجِدُ حَدِيثَ فِي كِتَابِ اللَّهِ ، فَقَدْ رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجَمْنَا ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَوْلَا أَنْ يَقُولَ النَّاسُ : زَادَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى لَكَتَبْتُهَا - الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ فَارْجُمُوهُمَا الْبَيِّنَةُ - فَإِنَّا قَدْ قَرَأْنَاهَا.

Bermaksud: Kemudian beliau (‘Umar) berkata: “Janganlah pula kamu binasa kerana ayat rejam. Jangan pula ada yang berkata, “Kami tidak dapati dua had (sebat dan rejam secara terperinci) di dalam Kitab Allah.” Kerana Rasulullah s.a.w. telah melaksanakan hukuman rejam dan kami juga telah melaksanakannya. Demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya. Jikalau tidak kerana takut orang berkata, “Umar telah menambahkan (sesuatu) di dalam Kitab Allah, niscaya aku menulisnya: الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ فَارْجُمُوهُمَا الْبَيِّنَةُ (Maksudnya: Orang tua lelaki dan perempuan pastilah kamu merejam mereka). Kerana sesungguhnya kami memang telah membacanya.”

Tetapi tambahan teks ayat rejam di dalam riwayat Ibnu ‘Abbaas tidak mahfuz. Kata Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari j.2 m/s 143: “Mungkin Bukhari sendiri yang telah membuangnya dengan sengaja. An-Nasaa’i telah mengemukakannya daripada Muhammad bin Manshur daripada Sufyan, sama seperti riwayat Ja’far al-Firyabi di dalam riwayat al-Isma’ili dengan tambahan teks ayat rejam.” Kemudian Hafiz Ibnu Hajar berkata, “Aku tidak mengetahui ada sesiapa menyebutkan di dalam hadits ini teks ayat rejam: الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ itu selain Sufyan. Semestinya beliau telah waham dalam perkara ini. Bagi saya, sekian ramai para imam dan huffaaz hadits mengemukakan

hadits ini melalui riwayat Malik, Yunus, Ma'mar, Saleh bin Kaisan, 'Uqail dan lain-lain daripada az-Zuhri. Tetapi tidak pula mereka menyebutnya."

Maulana Muhammad Taqi al-'Utsmani di dalam Takmilah Fathul Mulhim j.8 m/s 358 setelah mengemukakan riwayat di atas dan perbincangan mengenainya, menulis begini:

"Apa yang masyhur di kalangan orang ramai ialah ayat rejam itu telah dimansuhkan tilawahnya, tidak hukumnya. Bagaimanapun setelah diteliti riwayat-riwayat dalam bab ini ternyata ia bukan sebahagian daripada al-Qur'an sama sekali. Ia sebenarnya tidak lebih daripada satu ayat daripada ayat-ayat Kitab Taurat atau lain-lain kitab Bani Israil. Oleh kerana Allah menetapkan hukumnya untuk umat ini, maka digunakanlah perkataan "diturunkan" secara majaz (bahasa kiasan). Ia tidak bermaksud turunnya itu adalah sama seperti turunnya ayat-ayat al-Qur'an yang lain. Apa yang dimaksudkan hanyalah turunnya perintah Allah memperakui hukumnya."

Sebagai bukti ia merupakan satu ayat Kitab Taurat, Maulana Muhammad Taqi al-'Utsmani mengemukakan satu riwayat yang dikemukakan oleh at-Thabari di dalam Tafsirnya. Riwayat itu mengandungi pertanyaan Rasulullah s.a.w. terhadap 'Abdullah bin Shuriya, seorang pendeta Yahudi yang dianggap paling alim oleh orang-orang Yahudi, tentang hukuman terhadap pezina muhsan di dalam Kitab Taurat. Setelah beliau bertubi-tubi ditanya oleh Rasulullah s.a.w. dengan bersumpah dengan nama Allah dan Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa di atas bukit Sinai, akhirnya 'Abdullah bin Shuriya membaca: الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ فَارْجُمُوهُمَا أَلْبَنَةً (Maksudnya: Orang tua lelaki dan perempuan, kamu rejamalah mereka secara pasti). Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w. pada ketika itu, "Itulah hukumnya yang sebenar."

Riwayat itu jelas menunjukkan 'Abdullah bin Shuriya telah membacanya sebagai satu ayat daripada Kitab Taurat. Dan ia dibenarkan oleh Nabi s.a.w. Hukuman rejam yang tersebut di dalamnya pula diperakui baginda. Tidak adanya teks seperti itu di dalam Kitab Taurat yang ada sekarang tidak boleh dijadikan bukti kepada kepalsuan riwayat yang dikemukakan oleh at-Thabari itu, kerana sebagaimana diketahui semua orang, Kitab Taurat yang ada hari ini telah mengalami banyak sekali penyelewengan dan tokok tambah oleh pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab.

Setelah itu Maulana Muhammad Taqi al-'Utsmani mengemukakan pula tiga hadits sebagai dalil ayat itu bukan sebahagian daripada ayat al-Qur'an. Salah satunya adalah hadits berikut ini:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مُعَاوِيَةَ الْعُتَيْبِيُّ، ثنا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، ثنا اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ، عَنْ خَالِدِ بْنِ يَرِيدٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي هَالَلٍ، عَنْ مَرْوَانَ بْنِ عُثْمَانَ، عَنْ أَبِي عُثْمَانَ، عَنْ أَبِي أُمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ بْنِ حُنَيْفٍ، عَنْ خَالَتِهِ الْعَجْمَاءِ، قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنَيَا فَارْجُمُوهُمَا الْبَتَّةَ بِمَا قَضَى مِنَ اللَّذَّةِ

Maksudnya: Berkata al-'Ajmaa', "Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: (Orang tua lelaki dan perempuan kalau berzina, maka pastilah kamu merejam mereka disebabkan mereka telah memuaskan nafsu). (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jamu al-Kabir j.24 m/s 350).

Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan hadits ini di dalam at-Talkhis al-Habir j.4 m/s 51 dan al-Ishabah j.4 m/s 352 tanpa mempertikaikannya. Setelah al-Haitsami mengemukakannya di dalam Majma' az-Zawa'id j.6 m/s 265, beliau berkata, "Perawi-perawinya adalah perawi-perawi sahih."

Hadits ini jelas menunjukkan apa yang dianggap sebagai ayat rejam itu dinukilkan oleh al-'Ajmaa', seorang sahabat perempuan Nabi s.a.w. sebagai sabda Baginda, bukan sebagai ayat al-Qur'an.

Kata-kata Saiyyidina 'Umar yang dinukilkan oleh Malik di dalam Muwatha' seperti telah dikemukakan sebelum ini bahawa:

.... ثُمَّ قَالَ : إِيَّاكُمْ أَنْ تَهْلِكُوا عَنْ آيَةِ الرَّجْمِ ، أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ لَا نَجِدُ حَدِيثَيْنِ فِي كِتَابِ اللَّهِ ، فَقَدْ رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجَمْنَا ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَوْلَا أَنْ يَقُولَ النَّاسُ : زَادَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى لَكَتَبْتُهَا - الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ فَارْجُمُوهُمَا الْبَتَّةَ - فَإِنَّا قَدْ قَرَأْنَاهَا.

Bermaksud: Kemudian beliau ('Umar) berkata: "Janganlah pula kamu binasa kerana ayat rejam. Jangan pula ada yang berkata, "Kami tidak dapati dua had (sebat dan rejam secara terperinci) di dalam Kitab Allah." Kerana Rasulullah s.a.w. telah

melaksanakan hukuman rejam dan kami juga telah melaksanakannya. Demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya. Jikalau tidak kerana takut orang berkata, “Umar telah menambahkan (sesuatu) di dalam Kitab Allah, niscaya aku menulisnya: الشَّيْخُ (Maksudnya: Orang tua lelaki dan perempuan, kamu rejamilah mereka secara pasti). Kerana sesungguhnya kami memang telah membacanya.”

Itu bukanlah bermaksud menulisnya sebagai sebahagian daripada al-Qur'an. Sebaliknya bermaksud menulisnya sebagai tafsir secara terpisah daripada teks al-Qur'an.

Buktinya ialah atsar yang dikemukakan oleh Ahmad di dalam Musnadnya sebagai berikut:

وَلَوْلَا أَنْ يَقُولَ قَائِلُونَ: زَادَ عُمَرُ فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مَا لَيْسَ مِنْهُ، لَكُنْتُهُ فِي نَاحِيَةٍ مِنَ الْمُصْحَفِ

Bermaksud: Jikalau tidak kerana takut orang berkata, “Umar telah menambahkan (sesuatu) di dalam Kitab Allah s.w.t., niscaya aku menulisnya di tepi Mushaf.” (Musnad Ahmad j.1 m/s 296). Tetapi isnad atsar ini dha'if kerana dha'if dua orang perawinya, iaitu `Ali bin Zaid bin Jud`aan dan Yusuf bin Mihraan.

Kalau ia sememangnya sebahagian daripada ayat al-Qur'an, kenapa ia hendak ditulis di tepi Mushaf sahaja oleh `Umar?

Syeikh `Abdul Muta'al al-Jabri di dalam bukunya “an-Nasikh Wa al-Mansukh” menukilkan pendapat al-Qadhi Abu Bakr al-Baqillani (m.403H) di dalam Kitabnya “al-Intishar Lil Qur'an” bahawa: “Riwayat `Umar dll yang menda'wa adanya (ayat-ayat) al-Qur'an yang mansukh tilawah adalah riwayat-riwayat aahaad yang tidak boleh dijadikan pegangan.” Ini bererti bagi beliau, apa yang ditsabitkan oleh hadiths-hadiths aahaad itu adalah tidak tsabit. (Lihat an-Nasikh Wa al-Mansukh m/s 49).

Az-Zarkasyi (m.794H) di dalam al-Burhannya berkata, “Al-Qadhi Abu Bakr al-Baqillani di dalam Kitabnya “al-Intishaar” menyebutkan bahawa, “Sekumpulan ulama tidak menerima pembahagian ini (adanya ayat-ayat al-Qur'an yang mansukh tilawahnya sahaja, tidak hukumnya). Kerana hadiths-hadiths yang menyabitkannya adalah hadiths-hadiths aahaad. Kita tidak boleh berpegang (dan percaya) tentang turunnya al-Qur'an dan mansukhnya al-Qur'an dengan hadiths-hadiths aahaad yang

tidak harus dijadikan hujah dalam perkara (seperti) ini.” (Al-Burhaan Fi ‘Ulum al-Qur’an j.2 m/s 40).

Abu ‘Abdillah bin Zafar bin Muhammad as-Shiqli (m.568H) juga menolak hadits ‘Umar itu dengan kata beliau: “Hadits aahaad tidak menyabitkan al-Qur’an.” (Lihat ‘Abdul Muta’al al-Jabri - an-Nasikh Wa al-Mansukh m/s 49).

Abu Ishaq as-Syirazi (m.476H) di dalam al-Luma’nya menulis, “Sekumpulan ulama berkata: “Tidak harus dinasakhkan tilawah di samping dikekalkan hukumnya. Kerana hukum mengikut tilawah. Maka tidak harus yang asal (tilawah) hilang dan yang mengikut pula kekal. (Lihat al-Luma’ Fi Usul al-Fiqh m/s 58).

‘Allamah Rasyid Ridha berkata: “Adapun dalil tentang berlakunya (mansukh tilawah ayat sahaja, tidak hukum yang terkandung di dalamnya) ialah beberapa riwayat daripada sahabat. Walaupun isnadnya disahihkan oleh tokoh seperti Bukhari, namun matannya tetap mengandungi kemusykilan seperti beberapa hadits lain di dalam Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan selain keduanya.”

Beliau juga berkata: “Ringkas ceritanya ialah tidak ada satu pun hadits yang sahih sanadnya berhubung dengan perkara ini selain daripada kata-kata ‘Umar berhubung dengan (الشيخ والشيخة إذا زنيا) . Dan ia (hanya) merupakan riwayat aahaad... Saya tidak menganggapnya sahih, walaupun ia diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. (Lihat as-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha – Majallah al-Manaar j.7 m/s 612, Tamir Muhammad Mahmud Mutawalli - Manhaj as-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha Fi al-‘Aqidah m/s 120).

Ayat (الشيخ والشيخة إذا زنيا) yang dikatakan sebagai ayat al-Qur’an yang telah dimansukhkan tilawahnya tetapi hukumnya tetap kekal itu jika diperhatikan dengan saksama niscaya akan kelihatan kepada anda kelemahan ertinya dan juga ketidaktetapan lafaznya. Di bawah ini dikemukakan beberapa versinya yang berbeza-beda menunjukkan ketidaktetapan lafaznya, dan ini secara tidak langsung membuktikan ia bukan al-Qur’an. Di dalam riwayat-riwayat ahli as-Sunnah sahaja terdapat 13 versinya. Di dalam riwayat-riwayat Syi’ah pula terdapat 12 versinya.

Berikut adalah 13 versinya yang terdapat di dalam riwayat-riwayat ahli as-Sunnah:

- 1- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة
- 2- إذا زنى الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة
- 3- إذا زنى الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة نكالا من الله والله عزيز حكيم
- 4- إذا زنيا الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة نكالا من الله والله عزيز حكيم
- 5- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة نكالا من الله والله عزيز حكيم
- 6- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة نكالا من الله والله عليم حكيم
- 7- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة نكالا من الله ورسوله
- 8- والشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة نكالا من الله ورسوله
- 9- الشيخ والشيخة فارجموهما نكالا من الله ورسوله
- 10- الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة بما قضيا من اللذة
- 11- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما بما قضيا من اللذة
- 12- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة بما قضيا من اللذة
- 13- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة بما قضيا من لذتهما

Di bawah ini pula dikemukakan 12 versinya sebagaimana terdapat di dalam riwayat-riwayat Syi'ah:

- 1- الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة بما قضيا الشهوة
- 2- والشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة بما قضيا الشهوة
- 3- الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة فإنهما قضيا الشهوة
- 4- الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة فإنهما قد قضيا الشهوة
- 5- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة فإنهما قضيا الشهوة
- 6- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة لأنهما قضيا الشهوة
- 7- إذا زنى الشيخ والشيخة فارجموهما آلبتة فإنهما قضيا الشهوة
- 8- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة لأنهما قد قضيا شهوتهما
- 9- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة نكالا من الله والله شديد العقاب
- 10- الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة فإنهما قضيا الشهوة نكالا من الله والله عليم حكيم
- 11- والشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة فإنهما قضيا الشهوة جزاء بما كسبا نكالا من الله والله عزيز حكيم
- 12- إن الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما آلبتة

Perbedaan yang begitu ketara pada sekian banyak versi-versinya seperti dikemukakan di atas dengan jelas menunjukkan benarliah apa yang difirmankan oleh Allah di dalam al-Qur'an:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانُ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

Bermaksud: Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al-Quran? Kalau kiranya Al-Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya. (an-Nisaa':82).

Dilihat dari sudut ma'nanya pula, ia terlalu lemah. Perkataan الشيخ والشيخة difahami memberi ma'na lelaki dan perempuan yang telah berkahwin secara sah, padahal ia bererti lelaki dan perempuan tua (yang berzina)! Untuk memberi ma'na lelaki dan perempuan yang telah berkahwin secara sah di dalam bahasa 'Arab digunakan perkataan lain seperti المحسن والمحصنة dan sebagainya, bukan perkataan الشيخ والشيخة. Perkataan الشيخ والشيخة terlalu kabur untuk memberi ma'na lelaki dan perempuan yang telah berkahwin secara sah. Lelaki dan perempuan tua pula masih kabur dalam memberi ma'nanya. Kerana adakah kedua-duanya semestinya telah berkahwin atau tidak? Tidak jelas daripada dua perkataan itu. Berapa pula umur orang lelaki dan perempuan yang dikatakan tua itu? Lelaki dan perempuan muda yang telah berkahwin secara sah adakah termasuk dalam mafhumnya atau tidak? Dan banyak lagi kemusykilan yang lain mungkin timbul daripada penggunaan perkataan الشيخ والشيخة itu sahaja pun!